



**PERENGGAN 13, JADUAL 5
AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

**ESH
V.**

**KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
PKCP(R) 798-800/2017**

 **PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN**

 **PUAN FAJRUL SHIHAR BINTI ABU SAMAH**

 **12 MEI 2023**

Pembayar Cukai menjalankan perniagaan membekalkan dan menjual ayam hidup. Pembayar Cukai membeli stok ayam hidup secara terus dari ladang dan menjualnya pada

hari yang sama kepada pembeli yang terdiri daripada peniaga dan individu di pasar malam awam sekitar Bukit Gambir, Tangkak, Muar, kedai- kedai runcit dan kedai makan sekitar Melaka.

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (“KPHDN”) telah melakukan audit dan mendapati wujud isu terkurang lapor pendapatan bagi tahun taksiran (“TT”) 2012, 2013 dan 2014 apabila Pembayar Cukai melaporkan peratusan susut nilai berat ayam pada kadar 8%. KPHDN pula berpendapat kadar susut nilai berat ayam yang munasabah adalah 5%. Oleh itu, notis taksiran tambahan bagi TT 2012, 2013 dan 2014 telah dibangkitkan pada 18 April 2017. Pembayar cukai telah memfailkan rayuan melalui Borang Q terhadap taksiran tambahan yang telah dibangkitkan. Isu rayuan di hadapan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (“PKCP”) adalah sama ada penemuan audit oleh KPHDN berkenaan jualan terkurang lapor oleh Pembayar Cukai adalah berasas dan pengenaan penalti di bawah Seksyen 113(2) Akta Cukai Pendapatan (“ACP 1967”) adalah betul bagi TT 2012, 2013 dan 2014.

Pembayar Cukai menghujahkan pelarasan peratusan susut nilai berat ayam sebanyak 5% oleh KPHDN adalah anggaran semata-mata dan tidak disokong oleh sebarang bukti dan fakta. Bukti yang ada menunjukkan susut berat ayam sepanjang penghantaran adalah sekurang-kurangnya pada kadar 8%. Malah, penalti yang dikenakan juga tidak berasas dan tidak wajar memandangkan Pembayar Cukai telah bertindak secara suci hati.

KPHDN menghujahkan bahawa kadar peratusan susut nilai berat ayam sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) adalah 1% sahaja berbanding kadar yang ditetapkan oleh KPHDN adalah 5% yang mana kadar ini adalah lebih tinggi daripada kadar yang ditetapkan oleh KPDNKK. KPHDN juga mendapati Pembayar Cukai gagal menyimpan rekod perniagaan yang membuktikan peratusan susut nilai berat ayam pada kadar 8%.

Setelah meneliti dokumen dan mendengar hujahankedua-dua pihak, PKCP memutuskan bahawa Pembayar Cukai telah berjaya membuktikan taksiran yang dibangkitkan oleh KPHDN bagi TT 2012, 2013 dan 2014 adalah tidak betul dan berlebihan selaras dengan peruntukan perenggan 13, Jadual 5 ACP 1967. PKCP juga memutuskan bahawa KPHDN tidak mempunyai asas undang-undang dan fakta untuk mengenakan penalti di bawah Seksyen 113(2) ACP 1967.

Nota Editor:

- *KPHDN berhak untuk memfailkan rayuan terhadap keputusan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan diberikan.*